

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Mesyuarat Tindakan Denggi diaktifkan

# Perangi habis-habisan

*S'gakan  
u'k'hab'.*

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Pengaktifkan Mesyuarat Tindakan Denggi diwujudkan sebagai inisiatif memerangi penularan wabak denggi di Selangor, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, unit berkenaan dianggotai Ahli Dewan Negeri (ADN), ahli majlis, agensi kerajaan, dan badan bukan kerajaan (NGO) yang turut terlibat dalam aktiviti pencegahan juga kawalan.

"RM560,000 diperuntukkan iaitu RM10,000 disalurkan kepada setiap ADN kawasan bagi melancarkan pelaksanaan program disarankan.

"Kerajaan juga menyalurkan peruntukan bagi menampung kekurangan tindakan kawalan

penularan wabak oleh pihak berkuasa tempatan dan pejabat kesihatan daerah," katanya.

Sebelumnya, ADN Sungai Burong, Dato' Mohd Shamsuddin Lias di Dewan Negeri Selangor (DNS) membangkitkan komitmen dan aktiviti di peringkat negeri yang giat dijalankan Kerajaan Negeri sebagai usaha memerangi denggi.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta untuk aktiviti kawalan dan pencegahan denggi.

Pada masa sama, Daroyah berkata, pelaksanaan Unit Tindakan Denggi (UTD) menampakkan kesan apabila sebuah kawasan hotspot selama 204 hari di daerah Petaling berjaya mencapai tahap kes sifar denggi.

Beliau berkata, hasil itu jelas

memberangsangkan kerana kawasan Pusat Komersil Seksyen 7, Shah Alam pernah mencatat 249 kes berdaftar sebelum ini.

"UTD mula ditempatkan di lokaliti itu bermula 13 Jun sehingga 30 September lalu dan dalam tempoh itu berjaya mengatasi dua kejadian wabak serta memastikan ia menjadi sifar denggi.

"Wabak pertama mengumpul 249 kes bermula 15 Disember 2015 dan berakhir 6 Julai lalu, manakala wabak kedua dikenal pasti pada 10 Ogos dan berakhir dua minggu kemudian pada 22 Ogos lalu," katanya.

UTD adalah salah satu langkah proaktif diwujudkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan diperluaskan ke semua PBT di Selangor bagi mengawal peningkatan kes demam denggi.





AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH / HARI : 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

# Kuatkuasa tahun depan

**SUBANG JAYA** - Larangan penggunaan polisterin di semua pihak berkuasa tempatan di Selangor bakal dikuatkuasakan mulai tahun depan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, kempen berkenaan sedang berjalan di peringkat PBT bagi memberi kesedaran kepada peniaga dan pengguna.

"Mulai 1 Januari tahun depan, pengusaha atau peniaga tidak lagi boleh mengedar dan menggunakan bahan polisterin di seluruh Selangor.

"Untuk beg plastik pula, kita tidak menggalakkan dan jika terdapat premis perniagaan yang mahu memberinya kepada pelanggan, mereka perlu mengenakan caj bayaran dan tidak boleh diberikan secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Inisiatif Hijau Bersama Komuniti dan Badan Korporat juga Majlis Pelancaran Larangan Penggunaan Polisterin

di Semua Premis Makanan serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2016.

Turut hadir, Yang Dipertua MPSJ, Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Beliau berkata, sebagai alternatif lain, antara bahan dipromosikan kepada pengguna adalah beg "biodegradable" diperbuat daripada bahan terpilih yang mesra alam dan MPSJ mengambil inisiatif menghasilkannya.

Katanya, pengguna juga digalakkan mencari alternatif lain seperti membawa beg kitar semula ketika membeli-belah juga bekas makanan sendiri.

"MPSJ adalah PBT pertama di Selangor memulakan program ini dan kejayaannya membanggakan dengan sambutan baik daripada masyarakat awam.

"Kempen ini kita mulakan se-

**Mulai 1 Januari tahun depan, pengusaha atau peniaga tidak lagi boleh mengedar dan menggunakan bahan polisterin di seluruh Selangor**

**ELIZABETH WONG**

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

jak 2011 dan ia masa tepat bagi Selangor melangkah ke hadapan dalam usaha menjadi negeri peneraju teknologi hijau dan karbon rendah," katanya.



AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

## Peniaga perlu patuhi syarat

*11/11/16  
Shah Alam*

**SHAH ALAM** - Kebenaran menjalankan perniagaan di bahu jalan sedang dipertimbangkan Kerajaan Negeri membabitkan beberapa syarat wajib dipatuhi peniaga bagi mengelakkan masalah lalu lintas.

Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, setakat ini, pihak berkuasa tempatan tidak membenarkan peniaga menjalankan aktiviti perniagaan di simpang jalan, tempat letak kereta, jalan persiaran, hadapan sekolah dan lorong belakang.

"Walaupun bagaimanapun, aktiviti perniagaan di bahu jalan boleh dipertimbangkan jika tidak menghalang lalu lintas atau laluan awam serta tidak membahayakan peniaga juga orang awam di lokasi dipohon.

"Peniaga diberikan kelulusan secara permit dengan syarat lokasi perniagaan perlu 40 meter daripada pagar sekolah, sembilan meter daripada persimpangan jalan dan 3.6 meter daripada pili bomba," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan ADN Jeram, Amiruddin Setro berkenaan pendekatan Kerajaan Negeri kepada peniaga di bahu jalan.

Selain itu, bagi tujuan kawalan dan perancangan lebih teratur, PBT turut menyediakan tapak penjaja di seluruh kawasan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

"Lokasi berniaga juga bukan di jalan utama dan penjualan harus secara bungkus serta tidak meninggalkan barangan perniagaan selepas tempoh perniagaan," katanya.